



FADILLAH YUSOF diiringi Ab. Aziz Kaprawi (kanan) beramah mesra dengan peserta Kongres Dunia Pengurusan Aset Kemudahan Awam di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/SAIFUL BAHARI ASHARI

Siasatan awal punca tanah runtuh Lebuhraya Karak

Empangan tidak mampu tampung air hujan

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL

utusan@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 16 NOV.

SIASATAN awal kejadian tanah runtuh di Kilometer 52.5 Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak berhampiran Lentang dan Bukit Tinggi di Bentong, Pahang pada Rabu lalu dipercayai berpunca daripada kapasiti empangan kecil di kawasan itu yang tidak dapat menampung jumlah air hujan.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, hujan lebat pada hari berkenaan menyebabkan berlakunya tanah runtuh kecil membawa bersama serpihan tanah, bongkah batu dan pokok tumbang lalu memasuki lurah air.

Katanya, kejadian itu menyebabkan empangan berkenaan gagal berfungsi dan seterusnya mengakibatkan banjir lumpur mengalir ke

kawasan mendarat.

"Selain itu, hasil siasatan juga mendapati tiada aktiviti pembalakan di kawasan kejadian walaupun terdapat pembukaan jalan untuk kerja-kerja pemasangan pencawang Tenaga Nasional Berhad (TNB).

"Kementerian memandang serius perkara ini dan melihat perlu ada kerjasama antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri atau pemilik tanah dalam menangani masalah seperti ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Kongres Pengurusan Aset Infrastruktur Sedunia Kali Ke-2 yang turut dihadiri Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz Kaprawi di sini, hari ini.

Akibat kejadian berkenaan, Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak ditutup sepenuhnya kepada semua kenderaan sehingga mengakibatkan kesesakan lalu lintas luar biasa di kedua-dua arah.

Kejadian yang berlaku kira-kira pukul 6.45 petang itu turut menyebabkan laluan tersebut dipecahkan oleh lumpur dan sampah sarap. Malah, laluan alternatif melalui Jalan Lama Bentong-Kuala Lumpur juga terputus disebabkan kejadian tanah runtuh ekoran hujan lebat.

Sementara itu, Fadillah berkata, kerja-kerja pembersihan di lokasi kejadian sedang dijalankan terutama untuk mengalihkan kayu dan batu yang boleh mendedahkan risiko kepada pengguna.

"Keseluruhannya setakat ini semua jalan telah dibuka dan kita berpuas hati dengan pasukan penyelamat yang segera ke lokasi kejadian.

"Bagaimanapun, kita ingin mengingatkan pengguna lebuhraya supaya sentiasa berhati-hati dan mengikut segala arahan yang ditetapkan bagi memudahkan kerja-kerja pembersihan," katanya.